

18/12/1998

Asean sepatat hadapi cabaran alaf baru

Jamhariah Jaafar

SESUNGGUHNYA kerjasama dan keutuhan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Asean) tetap teguh malah beberapa ketegangan yang berlaku akibat krisis ekonomi dijadikan iktibar untuk membentuk ukhuwah yang lebih erat di kalangan negara anggota.

Bayang-bayang keretakan yang dilihat sebelum Sidang Kemuncak Asean Ke-6 yang berakhir semalam, berjaya dihilangkan apabila pemimpinnya keluar daripada bilik persidangan dengan perasaan puas yhati dan semakin yakin untuk membawa rantau ini melangkah dengan lebih gagah ke arah pemulihan ekonomi yang akan dihadapi secara bersepadu.

Sidang Kemuncak Asean terakhir pada alaf ini membuktikan tiada kuasa luar dapat menggugat kedaulatan, keamanan, kemakmuran dan kestabilan yang menjadi pegangan rantau ini sejak mula lagi.

Ketua-ketua negara yang hadir pada sidang ini ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei; Presiden Indonesia, B J Habibie; Perdana Menteri Laos, Sisavat Keobounphanh; Presiden Filipina, Joseph Ejercito Estrada; Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong; Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai; dan Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai sebagai tuan rumah.

Dr Mahathir terus menjadi perhatian dan ternyata diterima sebagai pemimpin paling berpengalaman dan matang yang menjadikan meja persidangan kali ini berlangsung dengan rancak. Walaupun Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong mungkin berusaha menyamai populariti Dr Mahathir, tetapi pengalaman, sikap tenang dan praktikal menjadikannya tumpuan kali ini.

Malahan apabila Perdana Menteri menceritakan pengalaman Malaysia yang sudah melakukan pelbagai langkah berani dalam menangani ekonomi negara ini, ternyata Perisytiharan Langkah-langkah Berani yang diumumkan pada akhir sidang itu kelihatan seperti pengumuman langkah sederhana tetapi praktikal serta mampu dilaksanakan semua negara anggota.

Pemerhati politik walaupun mengakui perbezaan pendapat memang tidak dapat dielakkan terutama bagi rantau yang mempunyai budaya, latar belakang dan nilai sejagat yang berbeza antara satu lain, menegaskan ia tidak akan menjadi alasan kukuh untuk menggugat keutuhan Asean.

Ternyata Asean kini tidak lagi mampu untuk terus berpegang kepada nilai-nilai lama, sebaliknya perlu mengambil usaha lebih tegas bagi beralih haluan dalam usaha untuk lebih dihormati.

Asean perlu membuang sikap kebergantungan terutama mengharap ehsan bantuan negara dari badan dunia dan Asia Utara, sebaliknya ia perlu mula belajar berdikari dengan menghasilkan pelbagai usaha sendiri bagi menangani krisis ekonomi daripada berulang.

"Sehingga bila kita perlu terus menadah tangan kepada dunia luar untuk membantu memulihkan sebarang kegawatan yang melanda rantau ini, kita sekarang tidak lagi boleh bercakap mengenai perpindahan teknologi dengan mengajar negara sedang membangun mengenai cara bagaimana untuk menggunakan sesebuah mesin itu.

"Sebaliknya mulai sekarang kita perlu membangunkan teknologi sendiri dan mengeksportnya ke dunia luar. Kita juga sepatutnya tidak lagi terlalu bergantung kepada dunia luar untuk menyuburkan ekonomi negara.

"Cuba kata berapa banyak negara Asean yang boleh berbangga dengan produk sendiri, pelaburan sendiri dan usaha sendiri bagi menangani krisis ekonomi yang melanda sekarang.

"Ramai yang hampir tersungkur apabila pelabur luar melarikan diri

selepas buih ekonomi pecah tahun lalu. Hakikat ini patut menjadi pengalaman dan pelajaran terbaik untuk semua negara anggota bagi menghadapi cabaran lebih hebat pada alaf akan datang," kata mereka.

Berikutan itu, ternyata semua dokumen yang dikeluarkan di Hanoi pada hari terakhir Sidang Kemuncak pada Rabu lalu, antaranya Deklarasi Hanoi, Pelan Tindakan Hanoi dan Perisytiharan Langkah-langkah Berani Asean mensasarkan matlamat bagi menyegerakan pemulihan rantau ini dan bekerja keras untuk mengurangkan sikap terlalu bergantung kepada dunia luar.

Walaupun usaha keras untuk kembali menarik pelabur asing ke rantau ini terus menjadi agenda utama Asean, tetapi negara anggota kini memiliki kesedaran lebih tinggi mengenai cabaran yang menunggu mereka pada alaf akan datang.

Seperti dijangka usaha ke arah pemulihan ekonomi menjadi agenda utama sidang kali ini, dan semua pemimpin negara merestui pelbagai cadangan termasuk Perisytiharan Langkah-langkah Berani untuk menyegerakan pemulihan di rantau ini.

Antara keputusan dicapai ialah usaha mengukuhkan sektor kewangan dan kapasiti mereka untuk meningkatkan modal bagi membiayai pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi rantau ini, dengan arahan supaya kajian dilakukan untuk membentuk `sistem mata wang dan kadar pertukaran' yang boleh memastikan mata wang Asean stabil antara satu sama lain.

Buat sementara waktu, pelabur Asean digalakkan menggunakan mata wang satu sama lain dalam membiayai sebarang projek yang dijalankan.

Langkah itu kini menjadi sebahagian daripada Pelan Tindakan Hanoi, apabila ia menggariskan pelbagai usaha bagi mengekalkan makroekonomi dan kestabilan kewangan.

Antara usaha diambil bagi mengukuhkan sistem kewangan rantau ini ialah:

- \* Menerima dan melaksanakan amalan kewangan antarabangsa yang kukuh dan piawai, di mana yang perlu menjelang 2003;

- \* Koordinat pengawasan dan usaha untuk mengukuhkan sistem kewangan;

- \* Membangunkan pasaran kecairan kewangan dan mendalam (deep and liquid financial) bagi membolehkan kerajaan dan sektor swasta mendapatkan sumber kewangan jangka panjang dalam mata wang tempatan, dengan itu ia mengurangkan sikap kebergantungan kepada bank dan mengehadkan risiko krisis kewangan.

- \* Menerima dan melaksanakan piawaian yang ada membabitkan pendedahan dan penyebaran maklumat ekonomi dan kewangan; dan

- \* Menerima langkah berhati-hati untuk mengurangkan kesan terhadap perubahan secara mendadak pengaliran keluar modal jangka pendek.

- \* Mengukuhkan Proses Pengawasan Asean.

- \* Menyusun semula akaun modal liberalisasi,

Pelbagai langkah ini diharap dapat menghalang volatiliti yang mencetus kegawatan kewangan sejak satu tahun setengah lalu.

Sekali gus sistem ini akan menjadikan suasana perniagaan lebih mudah diramal dan dapat membantu usahawan dan korporat membuat keputusan pelaburan dengan lebih yakin.

HPA adalah blueprint yang meliputi enam tahun pertama Wawasan Asean 2020, yang pertama kali dikeluarkan pada sidang kemuncak tidak rasmi di Kuala Lumpur tahun lalu.

Pelan ini bertujuan menyegerakan pemulihan ekonomi Asean dan mengurangkan kesan akibat kegawatan kewangan dunia ke atas rakyat di rantau ini.

Di samping itu, ketua-ketua negara Asean turut mengumumkan satu Perisytiharan Langkah-langkah Berani yang mengandungi pelbagai langkah jangka pendek dan panjang bagi meningkatkan iklim pelaburan Asean.

Dalam melaksanakan program jangka pendek, setiap negara anggota bersetuju meningkatkan keutamaan bagi melayakkan pelabur Asean dan bukan

Asean dalam sektor pengeluaran, bagi setiap permohonan yang diterima dari  
\* Januari, 1999, sehingga 31 Disember, 2000.

Insentif berkenaan meliputi tujuh perkara iaitu:

\* Kadar minimum tiga tahun bagi pengecualian cukai pendapatan korporat atau minimum 30 peratus elaun cukai pelaburan;

\* 100 peratus ekuiti pemilikan asing;

\* Bebas cukai ke atas import barangan modal;

\* Akses kepada pasaran tempatan;

\* Tempoh sewaan minimum 30 tahun ke atas tanah industri;

\* Pengambilan pekerja personel asing; dan

\* Perlepasan pemeriksaan kastam yang lebih pantas.

Bagi Malaysia, ia akan membenarkan pemilikan asing 100 peratus dalam semua bidang pengeluaran kecuali tujuh aktiviti/produk khusus. Di samping itu, tidak ada syarat eksport dikenakan ke atas semua pelaburan baru, pembesaran dan kepelbagaian.

Di samping itu, pemimpin Asean turut memutuskan untuk membangunkan bon dan pasaran kewangan lain di Asean dalam usaha meningkatkan simpanan di rantau ini serta meningkatkan sumber yang ada bagi pembangunan ekonomi.

Langkah ini akan mengurangkan sikap kebergantungan kerajaan dan syarikat korporat ke atas kewangan sistem perbankan dan mengehendkan kemungkinan berulang krisis kewangan pada masa akan datang.

"Dengan pelbagai bon dan pasaran kewangan lain yang belum dibangunkan di Asia Tenggara, kebanyakan simpanan rantau ini sekarang mengalir ke pasaran kewangan di tempat lain," kata pemimpin berkenaan.

Pemimpin Asean juga bersetuju untuk melaksanakan langkah bagi menyegerakan integrasi ekonomi rantau ini, termasuk melengkapkan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), Kawasan Pelaburan Asean (AIA) dan Skim Kerjasama Industri Asean (Aico).

Mereka juga bersetuju dengan cadangan untuk melatih penduduk rantau ini dengan kemahiran yang diperlukan pada masa depan, yang secara langsung akan menjadikan rantau ini lebih kompetitif pada pasaran global.

Sementara itu, kemelut utama yang menghantui rantau ini pada awal persidangan, apabila menteri-menteri luar ternyata terpaksa `bertegang urat` dan berpecah kepada dua kumpulan dalam isu kemasukan Kemboja, akhirnya berjaya ditangani dengan bijak dan penuh diplomatik oleh ketua negara dan kerajaan yang hadir untuk persidangan dua hari itu.

Walaupun upacara rasmi kemasukan negara yang akan menjadi pelengkap ke-10 Asean itu tidak dapat dilakukan serta-merta, tetapi keanggotaannya sudah terjamin cuma hanya perlu ditentukan masanya.

Jika mengikut kata Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Kemboja akan menerima hadiah paling berharga menjelang tahun baru.

Bagaimanapun katanya, Kemboja mesti menunaikan komitmennya terlebih dahulu dengan menubuhkan Senat, iaitu perkara yang menjadi penghalang utama kepada penyertaan negara itu pada Sidang Kemuncak Asean ke-6 yang sedang berlangsung di sini.

"Kita berharap kemasukan Kemboja ke dalam Asean dapat direalisasikan secepat mungkin. Jika keadaan mengizinkan ia mungkin boleh menjadi hadiah tahun baru untuk negara itu.

"Tetapi Kemboja perlu memastikan penghalang utama bagi negara itu iaitu penubuhan Senat perlu dilaksanakan dahulu sebelum menteri-menteri luar Asean mencapai kata sepakat," katanya.

Mungkin muncul sekali lagi percanggahan pendapat di sini dengan kumpulan pembantah yang diketuai Singapura apabila Perdana Menteri, Goh Chok Tong, mencadangkan pengesahan kemasukan itu boleh berlanjutan sehingga enam bulan.

Isu yang bagai duri dalam daging ini sebenarnya mudah dileraikan jika semua negara anggota sepakat dan tidak cuba menunjukkan sikap `hidung

tinggi', sebaliknya akur dengan persetujuan awal iaitu sebaik saja Kemboja berjaya menubuhkan kerajaan ia patut diterima.

Walau apa pun Sidang Kemuncak Asean yang terakhir di alaf ini berjaya menyelesaikan pelbagai kemelut dan ketegangan yang melanda rantau ini sejak setahun setengah lalu.

Mungkin tidak mencapai kesempurnaan dalam erti kata sebenar, tetapi persetujuan, restu dan kesanggupan semua negara anggota untuk bertolak ansur adalah resipi utama yang dapat membantu rantau ini menghadapi sebarang dugaan, cabaran dan ancaman yang hadir.

Menyedari hakikat bahawa kerjasama serantau adalah lebih baik daripada usaha secara individu, terutama bagi menghadapi pentas antarabangsa yang sering berusaha mencari kesilapan seseorang, Asean kini melangkah lebih gagah dan mantap ke arah alaf baru.

Penyertaan Kemboja, yang akan melengkapkan simbol Asean 10 hanya akan mengukuhkan gagasan ini kerana akhirnya `pagar Asean' yang selama ini `berlubang' akhir dapat ditutup daripada ancaman dunia luar.

(END)